

# Empat produk kosmetik ada bahan memudarat kesihatan

**Putrajaya:** Awas berikutan empat produk kosmetik dibatalkan notifikasi oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) Kementerian Kesihatan (KKM) kerana dikesan mengandungi racun berjadual.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat produk itu adalah BL Skincare Day Cream 1 yang dikesan mengandungi hidrokuinon dan tretinoin manakala tiga produk lagi iaitu Biela Beauty Glowing Night Cream, BL Skincare Day Cream 2 dan BL Skincare Night Cream masing-masing dikesan mengandungi merkuri.

"Notifikasi produk-produk kosmetik itu sudah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM dan tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, orang awam yang sedang menggunakan produk kosmetik itu dinasihatkan segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika

mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

Beliau berkata, hidrokuinon boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit yang tidak diinginkan, kulit menjadi hipersensitif, menghalang proses pigmentasi yang mengurangkan perlindungan kulit daripada pancaran sinar ultraungu berbahaya dan boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Menurutnya, penggunaan tretinoin tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

"Merkuri dilarang di dalam produk kosmetik kerana boleh memudarat kesihatan. Ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf serta boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan," katanya.

Beliau berkata, merkuri juga boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

Dr Noor Hisham berkata, penjual dan pengedar produk kosmetik itu perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk kosmetik itu dengan serta-merta kerana melanggar Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah peraturan itu boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama, dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

Syarikat yang melakukan kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Dr Noor Hisham turut menggalakkan orang awam menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik.